

11/01/1997

MT bincang kekalahan BN di Pulau Chondong

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno esok dijangka membincangkan kekalahan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Chondong, Kelantan dan kes Menteri Besar Selangor didakwa di Brisbane, Australia kerana tidak mengisytiharkan wang kira-kira RM2.4 juta.

Mesyuarat terbabit dijangka memberi perhatian kepada perkara berkenaan berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa MT akan meneliti kedua-dua perkara itu.

Pada pilihan raya kecil Pulau Chondong 6 Januari lalu, calon Pas, Zulkefli Mamat mendapat 4,778 undi mengalahkan calon BN, Yusoff Hamzah dengan majoriti 118 undi.

Ketika diminta mengulas kekalahan berkenaan, Dr Mahathir berkata, ia menunjukkan rakyat Kelantan mahukan Pas tanpa mempedulikan soal pembangunan atau pentadbiran yang baik. - Bernama

(END)